



**UNIT PELESENAN
MAJLIS DAERAH MARANG**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PELESENAN
PERNIAGAAN, PERINDUSTRIAN DAN IKLAN
MAJLIS DAERAH MARANG**

**BAHAGIAN KESIHATAN AWAM DAN
PELESENAN
MAJLIS DAERAH MARANG
21600 MARANG**

TEL: 09-6182366

EMEL: mdmarang@terengganu.gov.my

LAMAN SESAWANG: <http://mdmarang.gov.my/ms>

13 SEPTEMBER 2023 (BIL.1/2023)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon lesen perniagaan, perindustrian dan iklan di daerah Marang.

2. OBJEKTIF PELESENAN

Objektif pelesenan adalah untuk memastikan semua aktiviti perniagaan, perindustrian dan iklan di kawasan daerah Marang dilesenkan serta beroperasi dalam keadaan selamat. Selain itu, lesen ini adalah untuk memastikan peniaga mematuhi syarat-syarat pelesenan bagi menjamin kualiti perkhidmatan yang disediakan. Seterusnya, aktiviti tersebut dapat dirancang, dikawal dan dikuatkuasakan bagi mencapai tahap pengurusan yang cekap dan berkualiti untuk meningkatkan kesejahteraan kepada rakyat setempat.

3. SKOP PELESENAN

Mana-mana aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan yang dijalankan di premis dalam Daerah Marang sebagaimana jenis berikut;
(Senarai terperinci boleh rujuk pada jadual di Bil. 13.3 muka surat 36-85)

- 3.1 Tred
- 3.2 Perniagaan
- 3.3 Premis makanan
- 3.4 Perindustrian
- 3.5 Hiburan
- 3.6 Kedai Gunting Rambut
- 3.7 Hotel/Rumah Tumpangan
- 3.8 Pelbagai (apa-apa aktiviti yang tidak disebut dalam jadual Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian MDM 2013)

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan yang dilesenkan adalah berdasarkan pada Akta, Enakmen dan Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Daerah Marang sebagaimana berikut;

- 4.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- 4.2 Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002
- 4.3 Enakmen Rumah Tumpangan 1948
- 4.4 UUK Pelesenan Tred, Perniagaan & Perindustrian MDM 2013
- 4.5 Undang-Undang Kecil Gunting Rambut dan Pemandan Rambut MDM 1989
- 4.6 Undang-Undang Kecil Iklan MDM 1984

5. PENGECUALIAN LESEN

Garis panduan ini terpakai bagi semua jenis aktiviti perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan kecuali;

- 5.1 Pengecualian lesen perniagaan bagi golongan profesional yang dikawal di bawah akta masing-masing seperti arkitek, jurutera, peguam, doktor, juruukur tanah dan perancang.

6. PEMBEKUAN LESEN

Beberapa jenis perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan yang tidak dibenarkan oleh MDM sebagaimana berikut;


- 6.1 Perniagaan vape
- 6.2 Perniagaan burung sarang walit
- 6.3 Perniagaan nombor ramalan/ekor
- 6.4 Pusat siber café
- 6.5 Perniagaan dalam kawasan taman perumahan






7. SYARAT ASAS PERMOHONAN


Permohonan lesen perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan boleh dibuat oleh pemilik premis sebelum sebarang aktiviti dijalankan di premis dengan syarat sebagaimana berikut;

- 7.1 Pemilik mestilah Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap
- 7.2 Pemilik mestilah berumur 18 tahun ke atas
- 7.3 Dokumen Asas

Permohonan lesen perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan boleh dibuat oleh pemilik premis sebelum sebarang aktiviti dijalankan di premis dengan syarat menyediakan semua dokumen asas permohonan serta dokumen teknikal sokongan yang berkaitan dengan aktiviti yang dijalankan. Terdapat sembilan (9) Dokumen Asas Permohonan (wajib disediakan);

BIL	PERKARA	CATATAN	CONTOH
7.1	Salinan Memorandum dan Perkara Persatuan Bagi Syarikat (Memorandum and Articles of Association), Borang 24 (Return of Allotment of Shares) dan Borang 49 (Return Giving Particulars is Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars) Akta Pendaftaran Syarikat 1965. ATAU	1 salinan	

	Salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956).		
7.2	Salinan Kad Pengenalan	1 salinan	
7.3	Gambar berukuran <i>passport</i> (untuk permohonan individu)	2 keping	
7.4	Salinan contoh paparan visual iklan (tulisan jawi)	1 salinan	
7.5	Salinan Geran Tanah tapak premis perniagaan ATAU Salinan Resit Cukai Tanah Terkini ATAU Salinan Perjanjian Sewa Premis	1 salinan	
7.6	Gambar alat pemadam api 7.6.1 Gambar di lokasi 7.6.2 Gambar nombor siri/tarikh luput	1 salinan	
7.7	Gambar peti kecemasan	1 salinan	
7.8	Salinan Lesen Percetakan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk permohonan Lesen Percetakan.	1 salinan	

7.9	Lesen Premis Makanan/ Memproses Makanan/ Minuman/ Kedai Makan/ Café/ Kantin dan seumpamanya; 7.9.1 Senarai nama pekerja 7.9.2 Salinan buku/dokumen suntikan anti-Typhoid pemohon dan pekerja 7.9.3 Salinan sijil kursus Latihan pengendali makanan pemohon dan pekerja dari Sekolah Latihan Pengendalian Makanan Bertauliah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	1 salinan	
-----	--	-----------	---

8. DOKUMEN TAMBAHAN MENGIKUT JENIS AKTIVITI

- 8.1 Ulasan teknikal sokongan daripada agensi tertentu mengikut jenis perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian/ iklan
- 8.2 Dokumen sokongan akan **dimohon oleh pihak MDM** berdasarkan aktiviti perniagaan
- 8.3 Pemohon perlu bersedia jika terdapat sebarang lawatan daripada agensi terlibat

BIL	AKTIVITI	SOKONGAN YANG DIPERLUKAN
8.3.1	Semua perniagaan/ perkhidmatan/ perindustrian kecuali Pejabat Urusan dan semua perniagaan di bangunan milik MDM	1. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.2	Membuat alat solek atau alat keperluan bersuci	1. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) Bahagian Perkhidmatan Farmasi 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.3	Kilang	1. Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) 2. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 3. JKNT Bahagian Perkhidmatan Farmasi 4. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 5. Unit Perancang Ekonomi Terengganu (UPENT) 6. Polis Diraja Malaysia (PDRM)

		<p>-permohonan yang berisiko kepada orang awam</p> <ol style="list-style-type: none"> 7. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 8. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang 9. Unit Kawalan Bangunan MDM (UKB MDM)
8.3.4	Perniagaan/ perindustrian asitilin, oksigen, LPG/ LNG atau lain-lain gas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 3. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang
8.3.5	<p>Perniagaan/ perindustrian;</p> <p>8.3.5.1 bahan-bahan kimia, racun serangga, racun makhluk perosak, racun rumpai, baja organik atau baja kimia.</p> <p>8.3.5.2 aktiviti yang menggunakan bahan kimia.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2. Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) 3. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 4. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang
8.3.6	Stesen mengisi petrol, diesel atau LPG/ LNG	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2. Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) 3. Unit Perancang Ekonomi Terengganu (UPENT) 4. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 5. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang
8.3.7	Perniagaan/ perindustrian perlombongan/cari gali hasil bumi (emas, piuter, bijih timah, keluli dan logam-logam lain)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2. Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) 3. Unit Perancang Ekonomi Terengganu (UPENT) 4. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 5. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang

8.3.8	Simpan/ jula/ proses/ beri perkhidmatan besi/barang lusuh	<ol style="list-style-type: none"> 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 3. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang
8.3.9	Kerja-kerja kimpalan, bengkel kenderaan motor/jentera, selenggara kenderaan, simpan/jual alat gentian/ aksesori kenderaan motor/ jentera	<ol style="list-style-type: none"> 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.10	Tempat sembelihan dan menyiat kulit/mengeluarkan isi perut binatang Simpan/proses/jual offal, darah/tulang yang direbus	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu (JHEAT) 2. Pejabat Veterinar Daerah Marang (PVDM) 3. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.11	Membuat Perabot	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.12	Perniagaan/perindustrian hasil tembakau	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara Marang 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.13	8.3.13.1 Tempat penetasan/ pembiakan/ penternakan haiwan dan memproses hasil ternakan, simpan/jual sarang sarang burung, 8.3.13.2 Klinik/pusat penjagaan haiwan 8.3.13.3 Tempat sarang burung, simpan/jual sarang burung, proses sarang burung	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Veterinar Daerah Marang (PVDM) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.14	Tempat penetasan/ pembiakan/ penternakan hidupan laut dan air tawar	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 3. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.15	Pengurup wang, pinjaman wang berlesen, pajak gadai berlesen	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bank Negara 2. Polis Diraja Malaysia (PDRM)

8.3.16	Membuat ubat-ubatan, farmasi, kedai ubat tradisional/ herba, produk/ makanan tambahan kesihatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. JKNT Bahagian Perkhidmatan Farmasi 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.17	Simpan/jual senjata api/peluru atau simpan bahan radioaktif dan seumpamanya	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerja (JKKP) 2. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 3. Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA) Daerah Marang
8.3.18	<p>8.3.16.1 Pusat rawatan Hemodylisis, penjagaan kesihatan, kecantikan atau seumpamanya,</p> <p>8.3.16.2 Perkhidmatan refleksologi/bekam, perkhidmatan terapi/urut, klinik hemopati</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.19	Memproses sisa bahan-bahan buangan kimia/tembaga atau simpan spirit bermetil/bahan kimia di dalam tong atau bekas-bekas lain	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.18	Premis hiburan (siber café/ karaoke/ snuker dll)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) 3. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.19	<p>Institut pengajian tinggi/swasta</p> <p>Sekolah persendirian</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Agensi Kelayakan Malaysia/ <i>Malaysia Qualifications Agency</i> (MQA) 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.20	Pusat latihan memandu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Terengganu 2. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM)
8.3.21	<p>Taman didikan kanak-kanak</p> <p>Taman asuhan kanak-kanak</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Kesihatan Daerah Marang (PKDM) 2. Unit Kawalan Bangunan MDM (UKB MDM)

8.3.22	Menara Telekomunikasi	1. Unit Kawalan Bangunan MDM (UKB MDM)
8.3.23	Kedai makan/ restoran/ café/ kantin/ proses makanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Unit Kawalan Bangunan MDM (UKB MDM) 2. Perangkap sisa makanan & minyak, telaga resapan 3. Suntikan anti-typhoid dan Sijil kursus pengendalian makanan
8.3.24	Apa-apa perniagaan/ perusahaan yang memerlukan <i>Certificate Of Completion And Compliance</i> (CCC) atau Permit Sementara Bangunan	1. Unit Kawalan Bangunan MDM (UKB MDM)

9. SYARAT-SYARAT PEMATUHAN LESEN SELEPAS KELULUSAN

Pemohon yang memohon mana-mana lesen perniagaan, perindustrian dan iklan di daerah Marang mestilah mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh MDM sebagaimana jenis-jenis lesen berikut;

9.1 Syarat-syarat Tred, Perniagaan dan Perindustrian



SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS PERNIAGAAN

1. Pelesen hendaklah menjaga dan menyelenggara tempat atau premis yang dilesenkan supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih.
2. Pelesen hendaklah mengadakan tong atau bekas sampah yang cukup sebagaimana perlu untuk meletakkan sampah. Semua sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dilupuskan ke tong sampah.
3. Pelesen tidak boleh menyebabkan atau membenarkan darah, cecair kotor atau lain-lain bahan yang menjadi punca gangguan dilonggokkan, ditumpahkan atau dialirkan ke longkang atau tempat awam atau tempat-tempat persendirian.
4. Pelesen hendaklah menyediakan bekalan air bersih iaitu bekalan air JBA dan menyambung terus ke tempat penyediaan makanan.
5. Pelesen hendaklah menyediakan tandas dan bilik air yang mencukupi serta tempat mencuci tangan.
6. Pelesen hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi.
7. Pelesen hendaklah mengambil langkah yang cukup untuk memastikan tidak ada kesesakan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan.
8. Yang Dipertua boleh dengan notis bertulis menghendaki pelesen supaya menyediakan kemudahan bagi pekerja-pekerja seperti bilik mesyuarat, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan sebagainya.
9. Pelesen hendaklah memastikan di dalam tempat atau premis yang dilesenkan, terdapat perkara-perkara berikut :
 - a) Menyediakan kelengkapan alat pemadam kebakaran yang mencukupi.

- b) Menyediakan tangga dan jalan keluar yang mencukupi dan diselenggarakan dengan baik. Semua tangga dan laluan keluar masuk berada dalam keadaan bebas dan tiada halangan.
 - c) Bahan yang mudah terbakar hendaklah disimpan ditempat yang selamat.
10. Pelesen dilarang menimbulkan kacauganggu atau membakar atau melepaskan habuk, debu, jelaga, bau busuk atau lain-lain kacauganggu awam.
 11. Pelesen hendaklah menyediakan notis Larangan Merokok bagi premis berhawa dingin.
 12. Premis perniagaan yang beroperasi pada hari Jumaat hendaklah ditutup operasi mulai jam 12.30 tengahari hingga 2.30 petang sebagaimana arahan Pihak Berkuasa Negeri.
 13. Pelesen hendaklah meletakkan/mempamerkan tanda harga pada barang-barang jualan.
 14. Perkhidmatan Refleksologi/Spa/MediSpa hendaklah hanya membuat rawatan atau urutan ke atas pelanggan yang sama jantina sahaja.

9.2 Syarat-syarat Kedai Makan, Restoran, Café, Kantin



SYARAT-SYARAT LESEN PREMIS MAKANAN DAN RESTORAN

1. Bangunan yang digunakan untuk menjalankan perniagaan kedai kopi / makan hendaklah direka bentuk bagi tujuan tersebut. Bangunan selain daripada itu hendaklah mendapat kelulusan dari Yang Di Pertua Majlis.
2. Bagi bangunan kekal atau separuh kekal keseluruhan lantai bangunan hendaklah dipasang mozek. Manakala bangunan sementara, keseluruhan lantai bangunan tersebut hendaklah dikonkrit. Kebersihan lantai hendaklah dijaga sepanjang masa dan dibasuh pada masa yang difikirkan sesuai.
3. Bagi bangunan kekal dinding bangunan hendaklah dipasang baru jubin sekurang-kurangnya 1.5 meter tinggi (5 kaki). Bagi bangunan sementara dinding hendaklah diperbuat daripada bahan yang mudah dicuci. Kebersihan dinding hendaklah dijaga sepanjang masa.
4. Bangunan kedai hendaklah mempunyai siling dan hendaklah dicat baru serta dijaga kebersihan sepanjang masa.
5. Longkang hendaklah disediakan sekeliling bangunan bagi mengalirkan air dari bangunan kedai dengan aliran keluar ketempat yang sesuai.
6. Bilangan tandas yang mencukupi hendaklah disediakan. Dinding tandas hendaklah dipasang jubin setinggi 1.5 meter tinggi. Kebersihan tandas hendaklah dijaga sepanjang masa.
7. Bangunan kedai hendaklah mempunyai ruang yang mencukupi untuk peredaran udara yang selesa secara semulajadi atau buatan hendaklah disediakan.
8. Kemudahan bekalan air bersih yang secukupnya hendaklah disediakan. Bekalan air hendaklah dari Jabatan Bekalan Air.
9. Menyediakan sekurang-kurangnya 2 buah mangkuk basuh tangan (wash hand basin).
10. Menyediakan 2 buah tong sampah dan sampah-sarap hendaklah dimasukkan kedalam beg plastik dan diikat sebelum dilupuskan.

11. Bekalan makanan hendaklah berada dalam keadaan baik dan selamat untuk dimakan.
12. Hendaklah mengadakan bekas-bekas yang bertutup atau almari-almari yang tidak boleh dimasuki serangga perosak untuk semua makanan masak bagi menjaga kebersihannya.
13. Menyediakan meja-meja makan yang diperbuat dari bahan kalis air dan mudah dibersihkan.
14. Dapur jenis gas atau letrik hendaklah digunakan untuk memasak atau memanaskan makanan. Dapur kayu atau arang adalah dilarang penggunaannya.
15. Singki hendaklah disediakan untuk mencuci peralatan dapur. Pinggan mangkuk dan peralatan dapur hendaklah disimpan ditempat yang bersih. Membasuh peralatan dapur dikaki lima atau lorong belakang adalah dilarang.
16. Menyediakan perangkap sisa minyak dan makanan disingki dapur.
17. Semua pengendali makanan hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid dan akuan pemeriksaan kesihatan dari Pegawai Kesihatan serta mempunyai sijil Kursus Latihan Pengendali Makanan di Sekolah Latihan Pengendali Makanan Bertauliah oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
18. Pengendali makanan tidak dibenarkan meludah, membuang hingus, merokok dan melakukan perbuatan yang boleh mencemarkan makanan.
19. Pengendali makanan hendaklah memakai apron, penutup kepala, kasut / sandal bertutup dan pakaian yang bersih semasa mengendalikan makanan.
20. Menyediakan papan tanda seperti "**Dilarang merokok**", "**Jaga Kebersihan**" dan notis-notis kebersihan yang sesuai dipamerkan dalam premis.
21. Tindakan mengawal pembiakan / pencemaran vektor pembawa penyakit seperti lipas, lalat, tikus dan sebagainya hendaklah sentiasa dilakukan.
22. Kebersihan peti sejuk hendaklah sentiasa dijaga. Bahan makanan yang disimpan dalam peti sejuk hendaklah disusun atur dengan baik dan kemas.
23. Sebuah stor yang sesuai hendaklah disediakan untuk menyimpan stok barang-barang makanan.

24. Perlu membuat pendaftaran di Pejabat Kesihatan Daerah Marang atau melalui Sesawang Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (<http://fsq.moh.gov.my>).
25. Mengadakan **Program Jaminan Keselamatan Makanan (PJKM)** dengan Pejabat Kesihatan Daerah Marang dalam tempoh 1 tahun selepas lesen dikeluarkan (premis kilang makanan - memproses & mengedar makanan sahaja).
26. Menyediakan notis Larangan Merokok bagi premis berhawa dingin.
27. Premis perniagaan yang beroperasi pada hari Jumaat hendaklah ditutup operasi mulai jam 12.30 tengahari hingga 2.30 petang sebagaimana arahan Pihak Berkuasa Negeri.
28. Meletakkan/mempamer tanda harga jualan makanan.

9.3 Syarat-syarat Lesen Karaoke



SYARAT-SYARAT LESEN PERNIAGAAN KARAOKE

1.0 LESEN

- 1.1 Lesen yang dikeluarkan oleh pihak MDM hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa (Seksyen 107 (5) Akta 171).
- 1.2 Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun (Seksyen 107 (2) akta 171).
- 1.3 Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
- 1.4 Lesen yang dikeluarkan akan tamat tempohnya pada 31 Disember tiap-tiap tahun.
- 1.5 Setiap VCD yang digunakan/ dijual perlu mempunyai Sijil Perakuan 'B' daripada Bahagian Kawalan Penapisan Filem & Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri.
- 1.6 Adalah diingatkan juga MDM boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab. Selain daripada itu syarat-syarat tambahan akan diedarkan dari masa ke semasa.

2.0 SYARAT-SYARAT KHUSUS

- 2.1 Secara Tertutup (K-Box @ Q-Box)
 - 2.1.1 Penggunaan cermin lutsinar
 - 2.1.2 Lokasi hendaklah dibahagian kedai hanya di tingkat bawah sahaja atau kompleks perniagaan yang diluluskan oleh Majlis Daerah Marang.
 - 2.1.3 Mempunyai kawalan penyeyap bunyi.
- 2.2 Secara Terbuka
 - 2.2.1 Di premis sesebuah sahaja dibenarkan.
 - 2.2.2 Tempat menyanyi diasingkan daripada tempat makan.
 - 2.2.3 Sebarang sekatan tidak dibenarkan.

3.0 BINAAN

Dinding bangunan premis hendaklah dibina daripada cermin telus cahaya/ telus pandang.

4.0 MASA BEROPERASI

Masa beroperasi adalah dari jam 10.00 pagi sehingga 12.00 malam.

5.0 LARANGAN

5.1 Pemilik hendaklah memastikan masa-masa yang tidak dibenarkan dibuka dipatuhi sepenuhnya dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002, Kaedah-Kaedah Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2003, iaitu premis atau tempat-tempat yang berlesen tidak boleh dibuka dengan tiada kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan pada masa-masa berikut:

Malam Jumaat	Daripada pukul 6.00 petang hari Khamis hingga pukul 3.00 petang Jumaat
Hari Maulud Nabi	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu
Hari Isra' Mikraj	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Nisfu Syaaban	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Pertama Raya Puasa	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu
Hari Pertama Raya Haji	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 9.30 malam hari itu
Hari Dalam Bulan Ramadhan	Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam
Awal Muharam	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu

- 5.2 Pelanggan hendaklah berumur 18 tahun ke atas, bagi remaja bawah umur hendaklah dibawah pengawasan ibu bapa / penjaga.
- 5.3 Tiada sebarang rokok, minuman yang memabukkan atau seumpamanya dijual, disimpan, dihisap, dihidang atau dibawa masuk ke dalam premis.
- 5.4 Pengusaha atau pelesen hendaklah memastikan tiada dadah, pil-pil ekstasi atau lain-lain pil merbahaya dan senjata merbahaya boleh dibawa masuk ke dalam premis.
- 5.5 Permainan berunsur perjudian (games of change) menawarkan hadiah atau wang dan lain-lain bentuk permainan yang boleh diiktiraf sebagai “judi” mengikut Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 5.6 Pelanggan hendaklah berpakaian sopan. Tidak dibenarkan memakai seluar pendek, baju T tanpa lengan dan memakai selipar.
- 5.7 Tiada gambar atau bahan lucah dibenarkan ditampal atau dipamerkan dimana-mana bahagian premis.

6.0 LANGKAH KESELAMATAN

- 6.1 Apabila berlaku kematian atau sakit berat mana-mana orang di dalam mana-mana bangunan yang berlesen atau berlakunya sebarang kemalangan disebabkan mengguna mana-mana alat perkakas di dalam bangunan itu menimbul kekacauan atau kehilangan harta benda dalam bangunan pengusaha / pelesen hendaklah serta merta membuat laporan polis.
- 6.2 Pengusaha / pelesen hendaklah menyediakan pengawal keselamatan di pintu masuk premis.
- 6.3 Menyediakan buku daftar pelanggan dan dikemaskini pada setiap masa.

7.0 PENCAHAYAAN / PENGUDARAAN

- 7.1 Premis ini hendaklah disediakan dengan lampu mekanikal yang mencukupi dan tidak menimbulkan suasana malap.
- 7.2 Pengusaha / pelesen hendaklah menyediakan sistem pengudaraan secara mekanikal yang mencukupi dan tidak menimbulkan suasana panas di dalam premis.

8.0 KEBERSIHAN PREMIS

- 8.1 Premis hendaklah berada dalam keadaan yang bersih, teratur dan tidak menimbulkan kesesakan.
- 8.2 Kebersihan hendaklah dititik beratkan daripada segi kebersihan dinding, siling bebas daripada sawang, lantai tidak berkulat, berlumut dan retak serta kebersihan luar dan dalam premis.
- 8.3 Pihak pengusaha / pelesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi di dalam dan di luar premis.

9.0 NOTIS

Pengusaha / pelesen hendaklah menampal notis (seperti lampiran 1 & 2) di pintu masuk premis.

10.0 TINDAKAN

- 10.1 Pihak pengusaha / pelesen hendaklah mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
- 10.2 Majlis berhak pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan pemantauan ke atas aktiviti yang dijalankan di premis berkenaan dan juga berhak untuk membatalkan lesen / kelulusan yang dikeluarkan dan tindakan boleh diambil di bawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MARANG**

2'

NOTIS

1. MASA BEROPERASI DARI JAM 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 MALAM
2. PELANGGAN BERUMUR 18 TAHUN DAN KEATAS SAHAJA DIBENARKAN MASUK. PELANGGAN BERUMUR 17 TAHUN DAN KE BAWAH HENDAKLAH DITEMANI IBUBAPA @ PENJAGA.
3. HENDAKLAH BERPAKAIAN KEMAS DAN SOPAN.
4. PELAJAR SEKOLAH YANG MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM DILARANG MEMASUKI PREMIS INI.
5. TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA MASUK MINUMAN MEMABUKKAN.
6. DILARANG SEBARANG PERTARUHAN DAN PERJUDIAN DI DALAM PUSAT HIBURAN.
7. DI LARANG MEROKOK DI DALAM PREMIS.

2'

<u>NOTIS</u>	
Malam Jumaat	Daripada pukul 6.00 petang hari Khamis hingga pukul 3.00 petang Jumaat
Hari Maulud Nabi	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu
Hari Isra' Mikraj	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Nisfu Syaaban	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Pertama Raya Puasa (Aidilfitri)	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu
Hari Pertama Raya Haji (Aidiladha)	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 9.30 malam hari itu
Hari Dalam Bulan Ramadhan	Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam
Awal Muharam (Maal Hijrah)	Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu

9.4 Syarat-syarat Lesen Siber Café



SYARAT-SYARAT LESEN PERNIAGAAN SIBER CAFÉ

1. LESEN

- 1.1 Lesen yang dikeluarkan oleh pihak MDM hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
- 1.2 Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh menerima surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun.
- 1.3 Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
- 1.4 Adalah diingatkan juga MDM boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab. Selain daripada itu, syarat-syarat tambahan akan diedarkan dari masa ke semasa.

2. LOKASI

- 2.1 Pusat siber dan kafe siber hanya dibenarkan beroperasi di tingkat bawah bangunan, keadaan premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan penggunaan cermin gelap adalah dilarang.
- 2.2 Kedudukan komputer bagi tujuan melayari internet hendaklah berasingan daripada aktiviti sampingan yang lain dan ia hendaklah tidak berbilik dan tidak berpintu.
- 2.3 Pusat siber dan kafe tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti masjid dan lain-lain kawasan yang dianggap tidak wajar oleh Pegawai Pelesen.

3. MASA BEROPERASI

- 3.1 Masa operasi bagi pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan pukul 12.00 tengah malam sahaja.
- 3.2 Bagi pengunjung dibawah umur 12 tahun, mereka hanya dibenarkan mengunjungi pusat siber dan kafe siber sehingga pukul 10.00 malam sahaja.

4. AKTIVITI YANG DIBENARKAN

- 4.1 Aktiviti utama atau core business pusat siber dan kafe adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja. Kegiatan-kegiatan lain adalah **tidak dibenarkan** sama sekali khususnya berbentuk hiburan berikut:-
- i. Permainan video;
 - ii. Perjudian
 - iii. Gambar-gambar lucah;
 - iv. Muzik (pipe music); dan
 - v. Penjualan bahan-bahan bercetak khususnya yang mengandungi unsur-unsur negatif.
- 4.2 Pengusaha pusat siber dan kafe siber juga hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan tiada sebarang aktiviti kurang sihat berlaku di pusat siber dan kafe siber. Tindakan segera hendaklah diambil sekiranya berlaku aktiviti kurang sihat tersebut yang melibatkan pelanggan mereka.

5. PENGURUSAN

- 5.1 Pengurusan pusat siber dan kafe siber hendaklah secara profesional oleh pengurus yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
- 5.2 Pekerja syarikat asing adalah tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan kafe siber.
- 5.3 Pengusaha/pelesen pusat siber dan kafe hendaklah mempunyai pekerja yang mencukupi setiap masa bagi mengawasi setiap aktiviti di pusat siber dan kafe siber tersebut.

6. HAD UMUR PENGUNJUNG

- 6.1 Pengunjung di bawah umur 12 tahun boleh mengunjungi pusat siber dan kafe siber dengan ditemani oleh ibubapa ataupun penjaga.
- 6.2 Pelajar yang berpakaian seragam sekolah adalah dilarang memasuki pusat siber dan kafe siber.

7. PENJUALAN MINUMAN KERAS DAN ROKOK

- 7.1 Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali di pusat siber dan kafe siber.
- 7.2 Pelanggan juga adalah dilarang untuk membawa masuk sebarang minuman keras dan juga rokok daripada luar.

8. BUTIRAN PELANGGAN

- 8.1 Pengusaha/pelesen hendaklah menyediakan buku rekod kemasukan pelanggan bagi disemak oleh pihak berkuasa pada bila-bila masa.

9. KEBERSIHAN PREMIS

- 9.1 Pengusaha/pelesen pusat siber dan kafe siber juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dengan menyediakan kemudahan tong sampah dan tandas awam yang mencukupi.
- 9.2 Premis hendaklah menepati syarat-syarat penggunaan dan kelulusan bangunan yang telah ditetapkan dan sebarang pengubahsuaian ke atas bangunan hendaklah mendapat kelulusan daripada PBT terlebih dahulu.

2'

NOTIS

3. MASA BEROPERASI DARI JAM 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 MALAM
4. PELANGGAN BERUMUR 18 TAHUN DAN KEATAS SAHAJA DIBENARKAN MASUK. PELANGGAN BERUMUR 17 TAHUN DAN KE BAWAH HENDAKLAH DITEMANI IBUBAPA @ PENJAGA.
3. HENDAKLAH BERPAKAIAN KEMAS DAN SOPAN.
4. PELAJAR SEKOLAH YANG MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM DILARANG MEMASUKI PREMIS INI.
5. TIDAK DIBENARKAN MEMBAWA MASUK MINUMAN MEMABUKKAN.
6. DILARANG SEBARANG PERTARUHAN DAN PERJUDIAN DI DALAM PUSAT HIBURAN.
8. DI LARANG MEROKOK DI DALAM PREMIS.

9.5 Syarat-syarat Lesen Snuker



SYARAT-SYARAT LESEN PERNIAGAAN SNUKER

1.0. LESEN

- 1.1 Lesen yang dikeluarkan oleh pihak MDM hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat pada setiap masa (Seksyen 107 (5) Akta 171).
- 1.2 Syarat-syarat lesen yang dikeluarkan hendaklah disempurnakan dalam tempoh 30 hari (30) hari dari tarikh penerima surat serta mematuhi pada bila-bila masa sepanjang tahun (Seksyen 107 (2) Akta 171).
- 1.3 Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
- 1.4 Lesen yang dikeluarkan akan tamat tempohnya pada 31 Disember tiap-tiap tahun
- 1.5 Adalah diingatkan juga MDM boleh membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi apa-apa sebab. Selain daripada itu syarat-syarat tambahan akan diedarkan dari masa ke semasa.

2.0. BINAAN

Dinding bangunan premis hendaklah dibina daripada cermin telus cahaya/ telus pandang.

3.0. MASA BEROPERASI

Masa beroperasi adalah dari jam 10.00 pagi sehingga 12.00 malam.

4.0. LARANGAN

- 4.1 Pemilik hendaklah memastikan masa-masa yang tidak dibenarkan dibuka dipatuhi sepenuhnya dan tertakluk kepada peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2002, Kaedah-Kaedah Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 2003, iaitu premis atau tempat-tempat yang berlesen tidak boleh dibuka dengan tiada kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan pada masa-masa berikut :

Malam Jumaat - Daripada pukul 6.00 petang hari Khamis hingga pukul 3.00 petang hari Jumaat

Hari Maulud Nabi - Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu

Hari Isra' Mikraj	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Nisfu Syaaban	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Pertama Raya Puasa (Aidilfitri)	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu
Hari Pertama Raya Haji (Aidiladha)	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 9.30 malam hari itu
Hari Dalam Bulan Ramadhan	- Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam
Awal Muharam (Maal Hijrah)	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu

- 4.2 Pelanggan hendaklah berumur 18 tahun ke atas, bagi remaja bawah umur hendaklah dibawah pengawasan ibu bapa / penjaga.
- 4.3 Tiada sebarang rokok, minuman yang memabukkan atau seumpamanya dijual, disimpan, dihisap, dihidang atau dibawa masuk ke dalam premis.
- 4.4 Pengusaha atau pelesen hendaklah memastikan tiada dadah, pil-pil ekstasi atau lain-lain pil merbahaya dan senjata merbahaya boleh dibawa masuk ke dalam premis.
- 4.5 Permainan berunsur perjudian (games of change) menawarkan hadiah atau wang dan lain-lain bentuk permainan yang boleh diiktiraf sebagai "judi" mengikut Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 4.6 Pelanggan hendaklah berpakaian sopan. Tidak dibenarkan memakai seluar pendek, baju T tanpa lengan dan memakai selipar.
- 4.7 Tiada gambar atau bahan lucah dibenarkan ditampal atau dipamerkan dimana-mana bahagian premis.

5.0. LANGKAH KESELAMATAN

- 5.1. Apabila berlaku kematian atau sakit berat mana-mana orang didalam mana-mana bangunan yang berlesen atau berlakunya sebarang kemalangan disebabkan mengguna mana-mana alat perkakas di dalam bangunan itu menimbul kekacauan atau kehilangan harta benda dalam bangunan pengusaha / pelesen hendaklah serta merta membuat laporan polis.
- 5.2. Pengusaha / pelesen hendaklah menyediakan pengawal keselamatan di pintu masuk premis.
- 5.3 Menyediakan buku daftar pelanggan dan dikemaskini pada setiap masa

6.0 PENCAHAYAAN / PENGUDARAAN

- 6.1 Premis ini hendaklah disediakan dengan lampu mekanikal yang mencukupi dan tidak menimbulkan suasana malap.
- 6.2 Pengusaha / pelesen hendaklah menyediakan sistem pengudaraan secara mekanikal yang mencukupi dan tidak menimbulkan suasana panas di dalam premis.

7.0. KEBERSIHAN PREMIS

- 7.1 Premis hendaklah berada dalam keadaan yang bersih, teratur dan tidak menimbulkan kesesakan.
- 7.2 Kebersihan hendaklah dititikberatkan daripada segi kebersihan dinding, siling bebas daripada sawang, lantai tidak berkulat, berlumut dan retak serta kebersihan luar dan dalam premis.
- 7.3 Pihak pengusaha / pelesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi di dalam dan di luar premis.

8.0 NOTIS

- 8.1. Pengusaha / pelesen hendaklah menampal notis (seperti lampiran 1 & 2) di pintu masuk premis.

9.0. TINDAKAN

- 9.1. Pihak pengusaha / pelesen hendaklah mematuhi segala syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan dan peraturan-peraturan lain yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa.
- 9.2 Majlis berhak pada bila-bila masa untuk membuat pemeriksaan pemantauan ke atas aktiviti yang dijalankan di premis berkenaan dan juga berhak untuk membatalkan lesen / kelulusan yang dikeluarkan dan tindakan boleh diambil dibawah Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH MARANG**

2'

NOTIS

- 1. MASA BEROPERASI DARI JAM 10.00 PAGI SEHINGGA 12.00 MALAM**
- 2. PELANGGAN BERUMUR DIBAWAH 18 TAHUN KEATAS SAHAJA DIBENARKAN MASUK. PELANGGAN BERUMUR DIBAWAH 18 TAHUN HENDAKLAH DITEMANI IBU BAPA @ PENJAGA**
- 3. HENDAKLAH BERPAKAIAN KEMAS DAN SOPAN**
- 4. PELAJAR SEKOLAH YANG MEMAKAI PAKAIAN SERAGAM DILARANG MEMASUKI PREMIS INI**
- 5. TIDAK DIBENARKAN MAMBAWA MASUK MINUMAN MEMABUKKAN**
- 6. DILARANG SEBARANG PERTARUHAN DAN PERJUDIAN DI DALAM PUSAT HIBURAN**
- 7. DILARANG MEROKOK DI DALAM PREMIS**

3'

2'

<u>NOTIS</u>	
Malam Jumaat	- Daripada pukul 6.00 petang hari Khamis hingga pukul 3.00 petang hari Jumaat
Hari Maulud Nabi	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu
Hari Isra' Mikraj	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Nisfu Syaaban	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu
Hari Pertama Raya Puasa (Aidilfitri)	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 2.00 petang hari itu
Hari Pertama Raya Haji (Aidiladha)	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 9.30 malam hari itu
Hari Dalam Bulan Ramadhan	- Daripada pukul 6.00 petang hingga 9.30 malam
Awal Muharam (Maal Hijrah)	- Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 3.00 petang hari itu

3'

9.6 Syarat-syarat Lesen Iklan




SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN

1. Setiap iklan hendaklah menggunakan Tulisan Jawi dan Bahasa Malaysia. Tulisan lain-lain bahasa boleh digunakan bersekali dengan Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain.
2. Tulisan Bahasa Malaysia hendaklah ditulis di bahagian atas sekali tanpa ada apa-apa tulisan lain di bahagian itu, kecuali jika tulisan jawi digunakan. Tulisan jawi hendaklah ditulis di atas daripada perkataan Bahasa Malaysia. Tulisan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar dan menggunakan warna yang lebih terang daripada bahasa-bahasa lain.
3. Tiada seorang pun boleh menggunakan perkataan-perkataan “**Halal**”, “**Ditanggung Halal**” atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah halal bagi orang Islam memakannya melainkan orang itu telah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Di Pertua Majlis.
4. Pelesen hendaklah mempamerkan lesen pada setiap masa disuatu tempat yang jelas kelihatan di dalam premis yang dilesenkan bagi tujuan pemeriksaan.
5. Apabila sesuatu lesen dibatalkan pelesen hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh 14 hari dari notis diterima.
6. Lesen tidak boleh dipindah milik kecuali dengan mendapatkan kebenaran dari Yang Di Pertua Majlis.
7. Yang Di Pertua Majlis boleh mengeluarkan notis supaya meminta pelesen membaiki mengecat semula atau memindahkan iklan atau apa-apa struktur binaannya.
8. Pelesen dikehendaki meletakkan **No. Rujukan (contoh : MDM 384/62/09)** pada **bahagian bawah sebelah kanan** pada papan tanda/ iklan yang di pameran.
9. Pelesen tidak dibenarkan memasang papan tanda/iklan pada rezab jalan.

10. Majlis tidak bertanggungjawab ke atas kerosakan iklan yang menimpa kepada orang awam dan harta awam akibat dari kerosakan.

Contoh Lakaran Iklan



1. Tulisan jawi diwajibkan berada di bahagian kanan paling atas papan iklan.
2. Papan iklan mestilah dipamerkan dengan Bahasa Kebangsaan lebih besar daripada bahasa-bahasa yang lain.
3. No rujukan diwajibkan berada di bahagian kanan bawah iklan.


10. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN

10.1 Kaedah Permohonan


<p>Muat Turun Borang</p>	<p>Muat turun borang (Bahagian Pelesenan) dalam laman web MDM http://mdmarang.gov.my/ms/mdm/sumber/muat-turun-borang/borang-perlesenan dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di kaunter (3) Pelesenan,MDM.</p>
<p>Manual (Borang permohonan boleh didapati di kaunter Pelesenan, Pejabat MDM dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di kaunter Pelesenan,MDM)</p>	<p>Kaunter Pelesenan Majlis Daerah Marang 21600 Marang Terengganu</p> <p>Waktu Operasi Kaunter: Ahad-Rabu 8.00 pagi – 4.30 petang Khamis 8.00 pagi – 3.00 petang</p> <p>No tel : 09-618 2366 / 09-618 2368 Faks : 09-618 2490 E-mail : mdmarang@terengganu.gov.my Website : http://mdmarang.gov.my/</p>

10.2 Carta Alir Permohonan Lesen

10.2.1 Permohonan Lesen Tidak Berisiko



10.2.2 Permohonan Lesen Berisiko



11. KAEDAH PEMBAHARUAN LESEN

11.1 Syarat Pembaharuan Lesen

Pemilik lesen perlu memperbaharui lesen perniagaan dan iklan yang telah dimiliki selepas 31 Disember selama 1 bulan tamat tempoh lesen setiap tahun bagi mengelakkan lesen perniagaan & iklan yang dimiliki dibatalkan dan seterusnya penguatkuasaan dilaksanakan ke atas pemilik.

11.2 Kaedah Pembaharuan Lesen

Permohonan pembaharuan lesen, pemilik boleh membuat pembaharuan lesen dengan cara mengemukakan dokumen berikut:

14.2.1 Lesen perniagaan & iklan semasa milik pelesen ketika berurusan di kaunter.

11.3 Pembayaran pembaharuan lesen boleh dibuat dengan cara yang sama seperti permohonan lesen kecuali bagi **lesen yang diluluskan dengan syarat**;

14.3.1 Pemohon perlu mengemukakan surat dan bukti bahawa syarat yang telah dikenakan telah dipatuhi.


14.3.2 Unit Pelesenan akan sekali lagi membuat siasatan dan laporan.

14.3.3 Jika didapati pemohon telah mematuhi syarat, lesen lulus sepenuhnya akan dikeluarkan dan permohonan pembaharuan lesen dapat dijalankan.

11.4 Piagam Pelanggan

11.4.1 Pembaharuan Lesen Diberi Kelulusan Serta Merta

11.4 Carta Alir



12. PIAGAM PELANGGAN

12.1 Tempoh permohonan lesen diproses dan diberikan keputusan selepas permohonan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan, Penguatkuasaan dan Undang-undang sebagaimana berikut;

- 10.1.1 Permohonan Lesen Tidak Berisiko Diberi Kelulusan 1 Hari
- 10.1.2 Permohonan Lesen Berisiko Diberi Kelulusan 30 Hari

12.2 Jenis perniagaan/perindustrian yang berisiko

BIL	JENIS PERNIAGAAN/PERINDUSTRIAN
1	Proses/Buat Makanan
2	Pusat Siber
3	Snuker
4	Karaoke
5	Bengkel membaiki/ mengecat/ servis kenderaan
6	Bengkel penyaman udara kenderaan
7	Kerja-kerja kimpalan
8	Kerja-kerja kayu
9	Kerja-kerja simen
10	Simpan/jual barang lusuh/besi buruk
11	Simpan/jual asitilin, oksigen, LPG atau gas-gas lain (>140mps)
12	Simpan/jual bahan letupan/minyak/bahan mudah terbakar
13	Premis tempat burung membuat sarang/premis burung walit
14	Stesen minyak
15	Tempat pecah batu/ kuari
16	Tempat ternakan/penetasan ayam/ itik/ burung/ ikan/ udang atau lain-lain
17	Perusahaan/ kilang
18	Lain-lain aktiviti yang dianggap berisiko oleh Pegawai Pelesen

13. BAYARAN DAN FI LESEN

13.1 Bayaran Asas Permohonan Lesen

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN	BAYARAN
1	Bayaran Proses Permohonan Lesen	20.00	Tunai, Debit, Cek, Imbasan QR Kod, <i>Online Banking/ Elektronik Funds Transfer (EFT)</i>	Semasa menghantar permohonan
2	Bayaran Proses Permohonan Lesen (Kilang / Rumah Tumpangan)	100.00		
3	Bayaran Borang Permohonan Lesen dan Kilang / Rumah Tumpangan	4.00/6.00		
4	Bayaran Borang Permohonan Penukaran Nama / Pindah Milik	2.00		
5	Bayaran Proses Tukar Nama	20% daripada fi lesen atau RM50.00		
6	Fi Lesen	Ditetapkan mengikut jenis dan keluasan premis aktiviti		Selepas permohonan diluluskan
7	Fi Iklan	Ditetapkan mengikut jenis dan saiz papan iklan		

13.2 Bayaran Fi Iklan

BIL	JENIS	KELUASAN	FI LESEN (RM)
1	Iklan Tidak Bersinar Jawi	<9mps	25.00/setahun
		Tambahan setiap 1mps	5.00/setahun
2	Iklan Bersinar Jawi	<9mps	40.00/setahun
		Tambahan setiap 1mps	8.00/setahun

13.3 Fi Lesen Mengikut UUK yang telah diwartakan oleh MDM sebagaimana berikut;

13.3.1 UUK Lesen Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDM 2013

Lampiran 1

13.3.2 Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2002 Negeri Terengganu

Lampiran 2

13.3.3 UUK Gunting Rambut dan Pendandan Rambut MDM 1989

Lampiran 3

13.3.4 UUK Iklan MDM 1984

Lampiran 4

14. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen/Permit Penjaja
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	Pengambilan di Kaunter Unit Pelesenan MDM
	Pos


15. PEMBATALAN LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN

15.1 Pemilik lesen yang ingin membatalkan lesen boleh menghantar borang permohonan batal lesen ke Unit Pelesenan. Penghantaran borang boleh dibuat ke kaunter Unit Pelesenan MDM.

15.2 Kemukakan bersama salinan asal/ salinan pendua lesen semasa yang berkaitan untuk membuat pembatalan lesen.


15.3 Siasatan dari Unit Pelesenan akan dijalankan untuk kepastian pembatalan/ penutupan operasi premis

15.4 Carta Alir



16. PENUKARAN NAMA ATAU PINDAH MILIK LESEN PERNIAGAAN DAN IKLAN

- 16.1 Pemilik lesen yang ingin membuat penukaran nama atau pindah milik lesen boleh menghantar borang permohonan atau melalui surat permohonan secara rasmi ke Unit Pelesenan. Penghantaran borang/ surat boleh ke kaunter Unit Pelesenan MDM.
- 16.2 Kemukakan bersama salinan asal/ salinan pendua lesen semasa yang berkaitan untuk membuat penukaran nama atau pindah milik serta dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan.
- 16.3 Siasatan dari Unit Pelesenan akan dijalankan untuk kepatuhan syarat penukaran nama atau pindah milik sebagaimana berikut;
- 16.3.1 Kotak Peti Kecemasan beserta ubat
- 16.3.2 Alat Pemadam Api yang masih belum luput tarikh
- 16.4 Carta Alir



17. BORONG PERMOHONAN

Permohonan lesen tred, perniagaan dan perindustrian mestilah menggunakan borang yang sesuai berdasarkan kehendak lesen sebagaimana berikut;

- 17.1 Borang Permohonan Lesen Perniagaan (Bukan Komposit) **Lampiran 5**
- Bagi permohonan satu (1) jenis sahaja
- 17.2 Borang Permohonan Lesen Perniagaan (Komposit) **Lampiran 6**
-Bagi permohonan lebih dari satu (1) jenis sahaja
Contoh: Kedai Runcit dan Iklan Tidak Bersinar Jawi
- 17.3 Borang Permohonan Lesen Premis dan Iklan Untuk Perniagaan (Lesen Kilang / Perusahaan) **Lampiran 7**
- 17.4 Borang Permohonan Lesen Premis dan Iklan Untuk Perniagaan (Lesen Rumah Tumpangan) **Lampiran 8**
- 17.5 Borang Permohonan Lesen Iklan / Papan Tanda **Lampiran 9**
- 17.6 Borang Permohonan Tukar Nama Pelesen **Lampiran 10**
- 17.7 Borang Permohonan Pembatalan Pelesen **Lampiran 11**

LAMPIRAN

Lampiran 1: Fi Lesen Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MDM) 2013

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3), 7(3), 9(2), 9(3) and 10(2)]

FI PEMROSESAN LESEN

(a) Permohonan	:	RM 6.00
(b) Tred / Perniagaan	:	RM 20.00
(c) Perindustrian	:	RM 100.00

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

Salinan lesen yang diperakui	:	RM 20.00
------------------------------	---	----------

FI PEMROSESAN DAN PINDAHMILIK LESEN

(a) Fi pemprosesan	:	RM 20.00
(b) Pindahmilik lesen	:	20 % daripada Fi Lesen atau RM50.00, yang mana lebih tinggi

JADUAL KEDUA
[Perenggan 3(2)]

NO	JENIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN YANG DIJALANKAN DI DALAM PREMIS	FI LESEN
A. ALATAN RUMAHTANGGA, ALATAN PEJABAT DAN PERKAKAS		
BAHAGIAN I		
1.	Menyimpan atau menjual alat solek atau alat keperluan bersuci:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
2.	Menyimpan atau menjual perhiasan atau dandanan diri:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
3.	Menjual suratkhobar, majalah, buku atau alatulis:	
	(a) Kiosk	RM 80.00
	(b) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(d) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
4.	Menyimpan atau menjual peralatan kelengkapan rumahtangga:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
5.	Menyimpan atau menjual kelengkapan perabot:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

5hb Dis. 2013]

1325

NO	JENIS TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN YANG DIJALANKAN DI DALAM PREMIS	FI LESEN
6.	Menyimpan atau menjual kelengkapan pejabat:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
7.	Menyimpan atau menjual detergen, bahan pencuci dan bahan-bahan yang berkaitan:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
8.	Menyimpan atau menjual peralatan ibadat /sembahyang atau barang-barang yang berkaitan:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
9.	Menyimpan atau menjual barangan elektrik:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
	(c) Keluasan lantai melebihi 280 mps	RM 380.00
10.	Membaiki barang elektrik:	
	(a) Keluasan lantai tidak melebihi 140 mps	RM 140.00
	(b) Keluasan lantai melebihi 140 mps tetapi tidak melebihi 280 mps	RM 260.00
